

Headline **Abadi kenangan**  
Date **14. Aug 2008**  
Media Title **Berita Harian**  
Section **Pendidikan**  
Circulation **217920**  
Readership **2083000**

Language **MALAY**  
Page No **20**  
Article Size **474** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **8388.18**



# Abadi kenangan

## Kejayaan penerima biasiswa Australia Endeavours of Excellence dibukukan

Oleh Norliza Abdullah  
lizz@bharian.com.my

**S**ERAMAI 4,000 pelajar Malaysia yang menikmati kemudahan pembiayaan pelajaran daripada kerajaan Australia menerusi Endeavours of Excellence kini cemerlang dalam bidang yang diceburi.

Mereka yang menjadi penerima agensi kerajaan mahupun swasta terus melakar kejayaan sekali gus membantu usaha membangunkan negara.

Kecemerlangan mereka diabadikan dalam buku yang diterbitkan khas sempena sambutan 50 tahun biasiswa berkenaan oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Penny Williams.

Penny berkata, buku itu mengabadikan kenangan manis dan pahit penerima biasiswa sepanjang mengikuti pengajian di universiti dan institusi pengajian tinggi Australia untuk dikongsi bersama generasi hari ini.

Berkat kesungguhan serta keyakinan dalam menempuh pelbagai rintangan, beliau berkata, masing-masing mencapai kejayaan yang boleh dikongsi bersama dalam membangunkan negara.

Semangat itu katanya, menjadi pendorong kepada anak muda untuk terus berusaha, sekali gus menyuntik semangat berbakti kepada negara sebaik menamatkan pengajian.

**“Buku itu mengabadikan kenangan manis dan pahit penerima biasiswa sepanjang mengikuti pengajian di universiti dan institusi pengajian tinggi Australia”**

**Penny Williams**  
Pesuruhjaya Tinggi Australia

“Hubungan dalam bidang pendidikan terjalin sejak sekian lama dan sudah ramai yang menikmati faedahnya, selain merapatkan lagi kerjasama kedua-dua negara.

“Usaha ini mencerminkan kesungguhan kedua-dua pihak memperkasakan hubungan sedia ada selain menyediakan peluang pendidikan dan penyelidikan kepada generasi muda untuk dimanfaatkan bersama,” katanya pada majlis pelancaran sambutan biasiswa kecemerlangan Australia Endeavours of Excellence Award ke-50, di kediamannya di Kuala Lumpur, kelmarin.

Hadir sama penerima anugerah Nobel Laureate Perubatan Australia, Prof Barry Marshall dan Naib Presiden Bahagian Pendidikan Petronas, Datuk Dr Rosti Sauwono.

Antara penerima anugerah kecemerlangan itu ialah pengasas dalam bidang Urologi, Datuk Dr Gopal Ayer Sreenevasan yang juga



**JADI RUJUKAN:** Rosti, Penny dan Barry melihat buku yang diterbitkan sempena sambutan 50 tahun Australia Endeavours of Excellence di Kuala Lumpur, kelmarin.

penerima awal menerusi Plan Colombo dari University of Adelaide.

Kejayaan beliau dinikmati bersama apabila menubuhkan Unit Urologi di Hospital Kuala Lumpur pada 1968.

Biasiswa itu juga memberi peluang profesional mem-

perkasakan kemahiran serta pengetahuan mereka menerusi kajian dan penyelidikan bukan pendidikan secara formal semata-mata.

Pensyarah Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Abdul Rashid Shariff, pula antara penerima anugerah

berkenaan menerusi Endeavour Executive Award, pakar dalam bidang Sistem Maklumat Geografi dan mendapat pembiayaan menjalankan kajiannya di University of Melbourne dan University of Canberra bagi mengoptimalkan pengurusan tanah di Malaysia.